

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 22 BILANGAN 4

RABU 26HB. JANUARI, 1977.


رابو 5 صفر 1397

PERCHUMA

Taraf Keraayaan

UJIAN BAHASA MELAYU

ADA-LAH YG UTAMA — PEHIN AMAR DIRAJA



Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd Jamil Al-Sufri.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengerusi Lembaga Bahasa Melayu, Brunei mengingatkan kepada orang2 yang di-peranakkan di-negeri ini yang ingin mendapatkan Taraf Keraayaan Negeri Brunei hendak-nya-lah mempelajari Bahasa Melayu dengan bersungguh2.

Ingatan itu telah di-tegaskan oleh beliau memandangkan kesukaran yang di-timbulkan oleh Awang Thomas Chong Yun Ken, Setiausaha Dewan Perniagaan China, Kuala Belait yang di-keluarkan dalam Borneo Bulletin keluaran hari Sabtu 22hb. Januari, 1977 yang mengatakan bahawa orang2 yang di-peranakkan di-negeri ini yang hendak mendapatkan taraf keraayaan menghadapi kesukaran kerana pepereksaan Bahasa Melayu di-katakan susah.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja menegaskan bahawa orang2 yang hendak menghadapi pepereksaan untuk tujuan tersebut supaya

mempelajari Bahasa Melayu dengan bersungguh2 untuk memenuhi maksud yang di-kehendaki oleh Undang2 Taraf Kebangsaan Brunei, 1961 Bab 5(a) (i) dan (ii).

Beliau menekankan lagi, Undang2 itu bermaksud bahawa pemohon2 itu hendak-lah mempunyai darjah pengetahuan Bahasa Melayu yang di-anggap baik mengikut seperti yang di-tentukan dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dengan fasah atau tidak boleh bertutor dalam bahasa itu dengan fasah di-sebabkan oleh kechachatan anggota atau kechachatan perchakapan atau pendengaran.

Yang Berhormat Pehin Amar Diraja menegaskan lagi bahawa untuk mendapatkan sa-suatu taraf keraayaan itu bukan-lah sa-mata2 berdasarkan kepada sa-seorang itu lahir di-negeri ini sahaja tetapi yang penting-nya mereka itu hendak-lah menumpukan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-pertuan dengan tidak berbelah bahagi.

Di-samping itu ujar beliau, mereka patut juga memenuhi sharat2 yang di-kehendaki oleh Undang2 untuk maksud itu sa-umpama mempelajari Bahasa Melayu untuk membolehkan ia bertutor dalam Bahasa Melayu sa-bagaimana yang di-sharatkan dan sa-sudah menjadi raayat pula mereka akan mengganggap diri mereka orang Brunei yang bertanggung-jawab kepada bangsa dan negara Brunei dan mengganggap Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Rasmi negeri ini sa-bagai bahasa rasmi-nya sendiri.

Jikalau mereka enggan berbuat demikian tentu-lah mereka itu tidak dapat memenuhi kehendak2 taat setia yang di-maksudkan, ujar beliau lagi.

Memang tidak wajar di-perkatakan bahawa untuk mempelajari Bahasa Melayu bagi orang2 yang demikian sa-bagai satu kesukaran yang di-utamakan, tetapi sa-baleknya untuk mempelajari bahasa itu ada-lah satu perkara

Lihat muka 16

W.I. TUBOH CHAWANGAN DI-MUARA

PEKAN MUARA. — Kira2 100 orang telah berhimpun di-Dewan Sekolah Melayu SUAS di-sini dalam majlis penubuhan chawangan Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei yang berlangsung pada pagi hari Ahad 23hb Januari.

Majlis penubuhan chawa-

ngan pertubuhan tersebut telah di-rasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Johari bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Dalam ucapan perasmian itu, Pegawai Daerah menyeru kaum wanita di-negeri ini

supaya akan sentiasa melambungkan bakti dan usaha mereka dalam mana2 pertubuhan wanita demi kemajuan negara kita darussalam ini.

Turut berucap dalam majlis perasmian itu ia-lah Pengerusi Pertubuhan Wanita Dayang Masnah bte Haji Tuah dan Yang Dipertua W.I. Dy Mariam bte Abdullah.

Di-samping itu penyampaian Sijil2 Pelajaran Dewasa kepada kira2 10 orang pelajar dewasa di-sini juga telah di-lakukan, ia-nya di-sampaikan oleh Dg Kamariah bte Haji Jalil, Pegawai Urusan Rumah Tangga, Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran.

Pertubuhan Wanita juga telah menyampaikan hadiah chenderamata kepada Yang Dimuliakan Pehin Datu Indera Sugara Dato Laila Jasa Awang Haji Johari dan Dg Kamariah bte Haji Jalil dalam majlis pagi itu.

Antara yang hadir dalam majlis penubuhan itu ia-lah Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Othman bin Bidin dan lain2 pemimpin

pertubuhan wanita.

Ada-lah di-fahamkan bahawa Pertubuhan Wanita Brunei akan menubuhkan lagi chawangan-nya di-Daerah Temburong yang di-jangka berlangsung dalam bulan Februari depan.

Sa-takat ini pertubuhan tersebut mempunyai chawangan2 di-Daerah Belait, Tutong dan Brunei/Muara dengan mempunyai ahli sa-ramai kira2 1,000 orang.

Majlis penubuhan hari itu juga telah berjaya melantek beberapa orang jawatankuasa kerja bagi chawangan itu.

Dayang Masnah bte Haji Tuah telah di-lantek sa-bagai Pengerusi Chawangan Pekan Muara sementara Naib Pengerusi pula Dayang Mariam bte Md Yusof.

Setia Usaha di-pegang oleh Dayang Norsham bte Dahlin dan Penolong Setia Usaha Dayang Afsah bte Haji Mohiddin.

Bendahari di-amanahkan kepada Dayang Fatimah bte Haji Tuah dan penolong-nya Norfiah bte Haji Bolhassan. Empat orang ahli jawatankuasa juga telah di-lantek,



Kelihatan Dayang Kamariah bte Haji Jalil, Pegawai Urusan Rumah Tangga, Jabatan Pelajaran Brunei sedang menyampaikan Sijil Pelajaran Dewasa kepada salah sa-orang pelajar kelas tersebut.

Pengumuman

Ada-lah di-ma'alomkan kepada semua Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Tuai2 Rumah Panjang Daerah Tutong supaya dapat hadir ka-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Tutong pada hari Khamis 27hb. Januari, 1977 jam 10.00 pagi kerana mengadakan mashuarat bulanan. Kehadhiran Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Tuai2 Rumah ka-majlis tersebut ada-lah di-harapkan.

PELITA BRUNEI

26HB JANUARI, 1977

Tindakan Terhadap Pemuda2 Berambut Panjang

DALAM ucapan merasmikan Seminar Da'awah Islam yang berlangsung di-Pekan Bangar, Daerah Temburong dalam minggu lalu, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada masa ini sedang menjalankan usaha yang berkesan dalam mengawasi muda-belia di-negeri ini dari menyimpan rambut panjang yang berlebihan.

Walaupun beliau tidak menyebutkan bagaimanakah cara-usaha itu di-jalankan, tetapi ada-lah di-fahami bahawa ia-nya akan di-laksanakan menurut perengkat2 seperti dari kanak2 sekolah atau pelajar2, orang2 Kerajaan dan sa-terusnya terhadap orang2 awam. Lebih tepat di-katakan bahawa usaha yang berkesan itu ada-lah bermaana satu tindakan yang di-fikirkan tidak memudharatkan tetapi di-harap menimbulkan kesan yang lebih menggalakkan. Mungkin juga tindakan yang sedang di-rancang itu merupakan satu perengkat awal sa-bagai satu kajian terhadap perengkat kepatuhan anak2 muda sekarang ini terhadap sesuatu yang perlu di-basmi demi untuk kepentingan keperibadian bangsa Brunei khusus-nya dan imej negara umum-nya.

Usaha yang sa-demikian ini mungkin juga mendapat tentangan di-kalangan golongan anti-rambut-panjang yang mahukan supaya Kerajaan bertindak lebih tegas terhadap mereka itu dengan mengenakan hukuman2 yang tertentu melalui undang2. Bagaimanapun sambutan2 terhadap langkah Kerajaan seperti yang di-umumkan oleh Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu ada-lah lebih menggalakkan kerana bentuk usaha berkesan itu mungkin merupakan peluang2 terbuka kepada pemuda2 yang menyimpan rambut panjang itu untuk menyadari apa-kaah perbuatan mereka itu dapat memberikan faedah2 yang banyak terhadap mutu keperibadian bangsa mereka yang sopan, beradat-lembaga atau ada-kaah perbuatan mereka itu dapat memberikan dokongan2 pada melambungkan imej keBruneian atau kenegaraan kita yang terkenal dengan kehalusan budi-pekeriti dan pantang di-kotori oleh pembawaan2 yang bukan keBruneian itu. Persoalan2 yang sa-umpama ini-lah yang terlebih dahulu di-bawa kepada mereka itu untuk berfikir dan memikirkannya dengan sungguh2 jika-lah mereka bersedia menyadari bahawa mereka itu ada-lah sa-bahagian dari angkatan Brunei yang bertanggung-jawab terhadap imej bangsa dan negara mereka. Jika terbukti bahawa mereka itu enggan dan tidak bersedia di-usai sa-chara yang sa-halus itu, maka sudah tentu tidak ada jalan lain, melainkan menaunkan kehendak golongan2 anti-rambut-panjang itu tadi.

Pelaksanaan untuk membasmi perbuatan menyimpan rambut panjang sa-chara berlebihan2 itu harus akan di-mulakan dengan pengeluaran satu peratoran khas. Misalnya di-sekolah2 atau maktab2 mungkin akan di-buat satu peratoran bahawa pelajar2 yang menyimpan rambut-panjang bukan saja menyalaiki peratoran sekolah atau maktab tetapi juga perbuatan-nya itu akan di-chatet dalam rekod kemajuannya. Atau, mungkin pelajar2 yang menyimpan rambut panjang itu tidak akan di-terima di-sekolah2 atau maktab2. Maka demikian juga bagi pegawai2 atau kakitangan Kerajaan yang mungkin di-persharatkan akan di-ambil tindakan tata-tertib dan di-chatet dalam rekod perkhidmatan-nya jika di-dapati menyimpan rambut-panjang yang berlebihan2 itu. Atau, menahan kenaikan gaji tahunan-nya.

Mengenai dengan tafsiran "menyimpan rambut-panjang yang berlebihan" itu, maka sudah barang tentu Kerajaan akan mengeluarkan kenyataan bagaimanakah keadaan rambut panjang yang tidak di-kehendaki itu. Ada-kaah rambut sa-seorang lelaki itu panjang-nya jangan sampai menchechak kalong baju atau jangan melebihi paras bahu? Hal ini sudah tentu akan di-beri tahu sebaik2 saja pelaksanaan-nya di-jalankan nanti.

Soal pemuda2 berambut panjang ini pernah di-suarkan dalam Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu yang meminta Kerajaan supaya mengadakan tindakan2 terhadap mereka yang menyimpan rambut-panjang itu atas alasan perbuatan itu tidak sesuai bagi negeri ini. Pihak Kerajaan menjelaskan bahawa satu tindakan yang berkesan akan di-ambil dan harus kenyataan Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan itu merupakan langkah ka-arah itu.



Y.B. Pehin O.K. Laila Kanun Diraja
Dato L.U. Awg Idris Talog Davies.

SA-SEORANG yang menjual, menawarkan untuk di-jual, memberi, menyampaikan atau memungut tiket2 loteri atau di-dapati memiliki lebih tiket loteri atau potongan2 chatetan, salinan2 tiket loteri atau apa jua kira2 berhubung dengan-nya adalah menjadi satu kesalahan dan boleh di-hukum menurut Rang Undang2 Rumah Perjudian Ramai (Pindaan) 1976, Penggal 28.

Ini telah di-nyatakan kepada Dewan Majlis dalam sidang-nya yang baru lalu oleh Yang Berhormat Peguam Negara, Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Awang Idris Talog Davies, dan di-sokong dengan sa-bulat suara oleh ahli2 Dewan.

Menurut beliau lagi, barang sa-siapa yang mendahulukan atau mengadakan bagi maksud menjalankan perniagaan sa-sebuah rumah perjudian ramai atau bagi maksud loteri awam, ada-lah salah dan boleh di-kenakan hukuman manakala di-dapati thabit kesalahan-nya hukuman penjara sa-lama 12 bulan atau hukuman denda \$5,000 atau kedua2-nya hukuman denda dan penjara.

Kata-nya, jika sa-seorang yang telah di-dapati thabit kesalahan melakukan sesuatu kesalahan dalam bab tersebut di-atas, maka Mahkamah Majistret boleh, sa-lain dari menghukum yang di-persharatkan maka ia-nya juga boleh membuat satu perintah supaya pehak yang bersalah itu mengikat jaminan dan tidak akan melakukan kesalahan sa-demikian sa-lama satu tempoh sa-tahun.

Sa-waktu perbahasan di-bukakan kepada ahli2 Dewan; sa-orang ahli Dewan menyatakan kekurang fahaman beliau terhadap perkaatan atau "teka-teki" yang di-

maksudkan dalam undang2 tersebut. Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan bahawa maksud teka-teki itu ia-lah seperti "Wahui", main "ketam2" dan sa-umpama-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Seria, menekankan lagi dengan ada-nya undang2 ini ada-lah di-harapkan pehak2 berkenaan akan lebih giat lagi memberantas perjudian di-negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Sapiuddin pula berpendapat bahawa ada-lah tidak patut jika permainan judi yang haram itu terus menjadi amalan kerana ia-nya ada-lah bertentangan dengan ajaran2 Agama Islam.

Yang Berhormat Pehin O.K. Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Awang Hj Mohd. Taha pula menimbulkan tentang perjudian di-temasha2 perkahwinan di-kampong2 yang mana menurut-nya kegiatan sa-umpama ini mesti-lah di-berhentikan kerana ia-nya bukan saja memburokkan majlis perkahwinan tapi menimbulkan perbalahan rumah-tangga.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri pula menyatakan bahawa keterangan2 menunjukkan bahawa permainan judi ini menjadi penyakit bangsa dan masyarakat. Jadi-nya patut-lah ia-nya di-bentaskan supaya kita sehat, fikiran sehat, pembangunan kita sehat, bangsa kita sehat dan jauh daripada penyakit yang tidak di-ingini itu.

Menyentuh mengenai tuduhan orang Brunei sudah berjudi, Yang Berhormat itu dengan menyatakan bahawa bukan keseluruhan-nya orang Brunei penjudi, ini hanya-

DARI DEWA



HUKUMAN \$5 RIBU ATAU 12 BULAN
PENJARA ATAU KE-DUA2-NYA MEMILEKI;

TIKET2 LOTERI DAN RUMAH PERJUDIAN

lah di-lakukan oleh sa-orang dua sahaja.

Penyakit judi ini patut-lah di-hapuskan supaya jangan menular jangan sampai keseluruhan orang Brunei menjadi ahli penjudi. Kata-nya, maksud undang2 ini ia-lah untuk membersekan jiwa bangsa kita, membersekan fikiran kita dan menyehatkan negara kita.

Yang Berhormat Dato P. duka Awang Haji Othman pula berpendapat bahawa berjudi ada-lah satu tindakan yang bertentangan dengan identiti negeri kita yang berpandukan ajaran Islam. Ia-nya juga mengakibatkan keadaan burok kepada yang melakukan-nya menjadi miskin dan papa, ujar beliau.

Ketika menggulung hujah2 dalam perbahasan ini Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz menyatakan terima kasih-nya kepada ahli2 Dewan di-atas sokongan mereka yang sepenoh2-nya ka-atas Pindaan Rang Undang2 Rumah Perjudian, sambil mensifatkan pehak Polis telah menjalankan tugas mereka sa-chara jujur dalam hal ini, dan sa-takat ini mereka telah menangkap beberapa penjudi2 serta mengadakan beberapa serbuan ka-atas sarang atau rumah perjudian.


Sa-jauh ini kita di-fahamkan bahawa sa-banyak 76 tangkapan telah di-buat sa-panjang tahun 1976 yang telah di-lakukan oleh pehak Polis ka-atas sarang perjudian di-negeri ini.

Undang2 ini juga bertujuan untuk membolehkan sa-seorang Pegawai Polis Kanan mengeluarkan sesuatu waran menggeledah untuk memasuki bangunan2 yang di-shaki menjadi sarang atau tempat perjudian.

MAJLIS

KEDUDOKAN KEWANGAN
NEGARA DALAM 1976

BERIKUT ini ialah ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin O.K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, ketika membentangkan Rang Undang-undang bagi mengeluarkan sajumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Digunakan untuk perkhidmatan tahun 1977 ini, dalam persidangan Majlis Mashuarat Negeri yang baru lalu — Pengarang.



Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin O.K. Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

Kecherahan suasana ekonomi negara2 maju di-dunia, ia-itu seperti mana yang dengan begitu pasti di-jangka akan terdapat pada awal tahun, telah tidak belanjutan, dan meski pun pandangan ekonomi pada umumnya adalah optimistik, namun kedudukan ekonomi2 negeri2 yang tertentu di-Eropah kian bertambah jelas kelemahan-nya. Keadaan inflasi berlanjutan dan walaupun dasar2 anti-inflasi yang di-amalkan oleh negara2 maju mulai berkesan, pertumbuhan ekonomi2 mereka kekurangan perangsang. Hinggakan negara2 yang kukuh pada segi ekonomi mereka seperti Negeri Jerman dan Jepun, berasa khuatir yang mereka tidak akan di-asingkan dari sebarang langkah2 yang di-ambil oleh negeri2 yang lebih lemah yang bertujuan untuk mengawal inflasi dan memberangsangkan ekonomi mereka.

Negeri2 miskin di-dunia semakin bertambah putus asa dalam menemphi tahun yang penuh dengan ketidakpastian dan ketidak-stabilan ini. Lantaran negara2 maju mengenakan kawalan2 yang bertujuan untuk memperbaiki kedudukan2 imbingan pembayaran mereka, maka negara2 yang sedang membangun pula di-hadapi oleh masalah2 permintaan yang berkurangan dan harga2 yang rendah bagi hasil2 utama mereka. Pada masa yang sama mereka terpaksa membayar harga2 yang lebih mahal untuk mendapatkan barang2 impot yang penting. Hal ini telah mengakibatkan kurangan2 dalam imbingan pembayaran mereka yang mana adalah satu perkara yang mustahil bagi mereka untuk mengadakan kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Negara2 yang sa-umpama ini pada keseluruhan-nya bergantung kepada bantuan2 yang di-sumbangkan oleh negara2 maju di-dunia melalui vaysan2 antarabangsa. Adalah satu hal yang me-

nginsahkan jika kita merenungkan bahawa dari keseluruhan penduduk di-dunia ini terdapat sa-banyak 950 juta manusia yang miskin-paya, a sama sekali, ia-itu mereka2 yang tinggal di-negeri2 yang mempunyai pendapatan per kapita yang kurang dari US\$20 sa-tahun.

Jik di-bandingkan dengan penduduk2 di-negeri2 sa-demikian kita bolehlah mengira diri kita sa-bagai amat bernasib baik kerana mempunyai satu ekonomi yang berasaskan kepada sumber2 alam ia-itu minyak dan gas. Kerajaan telah bersusah payah pada memastikan bahawa harta2 atau aset2 ini di-pergunakan dengan sa-bagitu chara yang dapat menghasilkan faedah2 yang sa-baik2-nya kepada negara, sementara pada waktu yang sama pula Sharikat Minyak dan rakan2 perdagangan dalam perusahaan Gas adalah di-galakkan untuk memajukan perusahaan2 tadi tanpa sebarang kebimbangan oleh kerana mereka tahu yang mereka boleh menjalankan usaha2 mereka itu dalam

suasana bekerjasama serta harmoni yang berkekalan. Pihak Kerajaan turut mengambil bahagian dalam kedua2 usaha ini dan di-wakili dalam Jemaah Pengarah2-nya. Dengan chara ini adalah kian terbukti yang kita dapat mengadakan pertukaran pendapat2 dengan jujur di-sa-tiap masa, menyelesaikan dengan segera sa-barang kesulitan dan memastikan bahawa rintangan2 yang berbangkit di-negeri2 pengeluaran minyak yang lain tidak akan berlaku di-sini atau, jika pun berlaku jua, mengatasi-nya dengan serta-merta. Ada-lah di-persetujui bahawa pihak Kerajaan akan menambahkan lagi penyertaan-nya dalam perusahaan Gas Chechar Asli dan rundingan2 ka-araf ini sedang lancar di-jalan-kan.

Di-sepanjag tahun ini terdapat banyak tekanan ka-atas matawang pound sterling yang mana kedudukan-nya telah bertambah buruk oleh masalah2 kewangan dalam negeri United Kingdom. Kerajaan United Kingdom ingin memisahkan diri-nya daripada tanggung-jawab mengendalikan satu matawang simpanan dan dengan demikian melegakan tekanan yang achap kali di-timbolk oleh manipulasi pegangan2 matawang yang besar jumlah-nya. Turun-naik dalam nilai matawang2 sebarang laut dalam mana simpanan Negeri Brunei di-pegang ada-lah satu perkara yang perlu mendapatkan perhatian dan awal tahun ini sa-buah Lembaga Penasihat Pelaburan telah di-tubuhkan untuk membantu dalam menentukan chorak pelaburan sebarang laut. Untuk menghidarkan sama sekali kesan turun naik dalam kadar2 pertukaran matawang2 antarabangsa adalah satu perkara yang mustahil di-lakukan, namun demikian Kerajaan sekarang dapat menimbangkan apa yang mungkin merupakan nasehat2 paling baik yang boleh di-dapati dan mengatorkan pegangan2 supaya kesan gerakan2 yang merugikan akan dapat di-perkecilkan. Matawang Brunei terus dalam keadaan yang kukuh dan, oleh kerana ia-nya di-sokong oleh simpanan2 luar negeri yang berlipat ganda, maka telah terbukti yang kita dapat mengekalkan pariti yang sama dalam ukuran nilai emas yang di-tetapkan sejak matawang ini julong2 kali di-keluarkan dalam tahun 1967. Jumlah matawang yang sedang dalam edaran pada masa ini adalah kurang lebih sa-banyak Br\$69.4 juta.

Kechuali yang berkaitan dengan pengusahaan minyak dan gas tiada terdapat sebarang perubahan dalam susunan perkhidmatan di-sepanjag tahun ini. Berikutan dengan itu rayat serta penduduk Negeri Brunei telah te-

rus dapat menikmati satu daripada paras2 perkhidmatan yang paling rendah di-dunia. Di-samping itu pula tiada terdapat sebarang kenaikan dalam bayaran2 yang di-kenakan ka-atas perkhidmatan2 seperti bekalan Listrik, bekalan Ayer, Pos dan Tali-kom ada-lah di-berikan dengan bayaran yang jauh lebih rendah dari kos mengadakan perkhidmatan tersebut. Harga bahan2 makanan yang mustahak seperti beras dan gula ada-lah di-berikan bantuan subsidi oleh Kerajaan dan hasil2 minyak yang sudah di-tapis pula di-jual dengan harga2 yang jauh lebih rendah dari kos pengeluaran-nya. Walaupun orang ramai tidak dapat di-bebas-kan dengan sa-penuh-nya dari kesan2 inflasi di-dunia luar, namun Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan telah pun bertungkus-lumus untuk menyingkirkan dengan sebarang yang boleh kechederongan2 inflasi yang mungkin di-timbolk dari sebab-musabab dalam negeri. Kawalan perkhidmatan, bantuan subsidi ka-kas harga2 barang dan perkhidmatan yang mustahak menguat-kuasaan kawalan harga runcit bagi barang2 keperluan sa-hari2, meng-hadkan perbelanjaan Kerajaan kepada projek2 yang dapat menjamin keselamatan serta kesejahteraan rayat dan penduduk Negeri Brunei dan mengukuhkan lagi kedudukan matawang adalah chara2 dengan mana hal ini telah terlaksana.

(BERSAMBONG)

AMDB MENCAPAI MUTU
KECHEKAPAN

— PEHIN LT. COL.
DATO MOHD.



Y.B. Pehin O.K. Seri Dewa Lt. Col Dato Pahlawan Awang Mohammad bin Haji Daud.

YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col Dato Seri Pahlawan Awang Mohammad bin Haji Daud menyatakan kepada Dewan bahawa perkembangan Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei (AMDB), telah pun mencapai mutu kecekapan yang boleh di-banggakan. Di-samping itu tugas memelihara keamanan dan ketenteraman bukan-lah sahaja di-bebankan kepada pasukan keselamatan; malah-lah ia-nya juga ada-lah menjadi tugas serta tanggung-jawab seluruh rayat dan penduduk Negeri Brunei ini, ujar-nya.

Yang Berhormat itu menekankan tentang perlu mustahak-nya keamanan serta ketenteraman yang menjadi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Dipertuan Negeri Brunei, patut-lah di-pelihara demi untuk kesejahteraan seluruh rayat dan penduduk Brunei.

Terdahulu dari itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, dalam titah ucapan Baginda ketika merasmikan sidang Majlis Mashuarat Negeri yang lalu menekankan bahawa Kerajaan Baginda sanggup akan membelanjakan berjuta2 ringgit untuk memperkukuhkan keselamatan Negeri Brunei dan untuk menjamin ketenteraman supaya rayat dan penduduk di-Negeri Brunei ini akan terus hidup tanpa gangguan dari anasir2 yang jahat.

Ketika menandatangani "Undang2 Lalu Lintas Jalanraya (Pindaan), 1976", Yang

Berhormat itu berkata bahawa undang2 yang telah diikuti sejak 1954 itu patut-lah di-persuakikan dan di-perketatkan lagi memandang bertambah-nya kenderaan di-negeri ini.

Antara lain, tambah-nya, undang2 itu mengandungi sharat2 yang menyatakan ada-lah menjadi kesalahan jika sesuatu kenderaan yang di-lesenkan untuk maksud2 yang tertentu di-gunakan bagi maksud yang lain.

Pindaan
Undang2
Mata Wang

YANG Berhormat Peguam Negara, Pehin Orang Kaya Laila Kanun Diraja Dato Laila Utama Awang Idris Talog Davies menyatakan kepada Dewan bahawa berikutan dengan pembuatan wang2 shiling berharga \$1 dan kemungkian di-buat lain2 jenis wang shiling tidak lama lagi, maka di-fikirkan perlu untuk meminda Undang2 Mata Wang, 1976.

Lembaga hendak-lah menyuarikan dalam Warta Kerajaan jenis dan lain2 rupa bentuk wang2 kertas dan shiling yang di-keluarkan oleh-nya, menurut pindaan Bab 12 (1) cераian (2) dalam Undang2 Mata Wang tersebut.

SIFAT BENAR PERLU DI-AMALKAN UNTUK SEMPURNAKAN IMAN DAN ISLAM

Orang2 Islam yang sa-benar2-nya ada-lah orang yang benar, suka kepada yang benar dan berpegang tegoh kepada kebenaran dzahir dan batin samada di-dalam perchapakan atau perbuatan2-nya. Kerana yang benar itu menuntun kepada kebajikan dan kebajikan itu menuntun kepada shurga sedangkan shurga itu ada-lah sa-tinggi2 matalamat dan kemunchok tujuan yang di-tuju oleh sa-orang Islam. Manakala berbohong pula ada-lah lawan kepada kebenaran ia-itu menuntun kepada kejahatan dan kejahatan itu menuntun kepada neraka sedangkan neraka itu ada-lah sa-jahat2 dan yang paling di-takuti oleh sa-orang Islam.

Sa-orang Islam yang sempurna harus-lah memandang kebenaran itu bukan hanya sa-takat perangai yang terpuji yang wajib tertanam pada diri-nya, bahkan lebih jauh dari itu harus-lah ia memandang kebenaran itu adalah suatu perkara yang mesti untuk menyempurnakan iman dan Islam-nya. Kerana Allah s.w.t. telah memerintahkan demikian serta memuji orang yang bersifat sa-demikian, bagitu juga Rasulullah s.a.w. sangat2 menggalakkan umat Islam berpegang tegoh dengan kebenaran dan Baginda amat banyak menyerukan mereka berbuat demikian. Firman Allah dalam surah Al-Taubah :

iman, bertakwa-lah kamu kepada Allah dan jadikan-lah kamu berserta orang2 yang benar".

Allah Ta'ala telah memberi pujian ka-atas orang2 yang bersifat benar sa-bagaimana firman-Nya dalam surah Al-Ahzab yang bermaksud kira2: Di-antara orang2 mu'min yang berserta Rasulullah s.a.w. di-dalam peperangan Al-Ahzab terdapat orang2 yang benar yang telah membuktikan kebenaran mereka dengan bersabar, tiada berpaling tadah dan tidak menarek janji2 mereka kepada Allah serta tiada menukar pendirian mereka untuk terus

sisi Allah sa-bagai sa-orang Siddik ia-itu orang yang bersifat benar lagi senantiasa membenarkan ajaran2 Islam. Dan wajib-lah kamu menjauhi yang bohong dan dusta kerana bohong dan dusta itu menuntun kepada kejahatan dan kejahatan itu menuntun ka-neraka. Dan tiada-lah orang yang bersifat bohong dan dusta itu melainkan akhir-nya akan termaktub di-sisi Allah sa-bagai orang pembohong dan pendusta.

Ketahui-lah oleh tuan2 bahawa di-antara buah hasil dari berpegang dengan benar itu dapat di-simpulkan sa-perti berikut :

Pertama: Menimbulkan rasa ketenteraman di-dalam jiwa kerana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sifat benar itu ada-lah suatu ketenteraman batin".

Kedua: Beroleh berkat di-dalam mata pencharian dan bertambah2 kebajikan kerana Rasulullah s.a.w. pernah ber-

sabda yang bermaksud kira2: "Penjual dan pembeli itu di-bolehkan khair yang ani samada meneruskan jualan atau belian atau tidak sa-lagi kedua2-nya belum dianggap berpisah dari majlis akad jual beli sa-lama kedua2-nya bersifat benar dan jujur sa-lama itu-lah kedua2-nya mendapat berkat pada jual beli mereka, tetapi sekira-nya masing2 menyimpan tipu daya dan berbohong maka hapus-lah berkat jual beli mereka itu".

Ketiga: Beroleh kejayaan mendapat darjah orang2 mati shahid sa-bagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud kira2: "Barang siapa yang memohonkan mati shahid dengan benar nescaya Allah menempatkan-nya ka-darjat orang2 mati shahid sekalipun dia mati di-atas katil-nya".

Ke-empat: Terselamat daripada perkara2 yang menyusahkan diri.

KHUTBAH JUMAAT

Daripada keterangan2 kitab suci Al-Qur'an dan hadith2 yang telah kita sebutkan tadi wajib-lah kita menanamkan sifat benar dan mengamalkan-nya di-dalam hidup kita sa-hari2 baik di-dalam perbuatan mau pun di-dalam perchapakan, mu-dah2an dengan demikian kita akan termaktub sa-bagai orang yang benar yang mendapat pujian dan keredzaan Allah.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَصَلُّوا عَلَى الصَّالِحِينَ

Yang bermaksud :

"Wahai orang2 yang ber-

Seminar Da'awah Islam

Sa-bahagian dari peserta Seminar Da'awah Islam yang telah di-langsungkan di-Bangar, Temburong baru2 ini. Seminar tersebut telah di-buka rasmi oleh Setia Usaha Kerajaan, Y.B. Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz. Gambar ehlan JHEU.

berjuang dan mempertahankan ugama Allah. Sa-sungoh-nya Allah akan mengoraniakan ganjaran pahala yang besar terhadap orang2 yang bersifat benar itu."

Manakala Rasulullah s.a.w. pula telah bersabda memerintahkan umat-nya supaya bersifat benar sa-bagaimana di-dalam sa-buah hadith Baginda bersabda yang bermaksud kira2: "Wajib-lah di-atas kamu bersifat benar kerana sifat benar itu menuntun kepada kebajikan dan kebajikan itu menuntun ka-shurga. Tiada-lah orang yang senantiasa berpegang tegoh dengan-nya itu melainkan akhir-nya akan termaktub di-



Sa-ramai kira2 100 orang yang di-ulukan oleh Timbalan Pengerua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Pmk. Pegawai Daerah Temburong telah memuchang2 mendirikan rumah barek bagi enam keluarga Muallaf di-Kampung

Semabat, Temburong telah di-adakan baru2 ini.

Kerja2 pembeaan rumah tersebut di-lakukan oleh anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei. Sementara itu rumah yang

sama bagi empat keluarga Muallaf akan juga di-dirikan di-Kampung Sibut, Temburong tidak lama lagi.

Kedua2 rumah tersebut ada-lah bantuan dari Majlis Ugama Islam Brunei. Gambar ehlan JHEU.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 26hb Januari, 1977 hingga kahari Selasa 1hb Februari, 1977 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
26hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
27hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
28hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
29hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
30hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
31hb Jan		12.39	3.59	6.36	7.47	5.07	5.21
1hb Feb		12.40	4.00	6.37	7.48	5.07	5.21

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



KA-ARAH MATALAMAT PENCHAPAIAN PEMBANGUNAN NEGARA



pelajar
hari ini dan esok

PELAJAR Hari Ini dan Esok mengalehkan lagi fokusnya dalam membicarakan hal ehwal pelajar ka-arrah matalamat penchapaian pembangunan negara yang di-pikulkan sa-bahagian-nya kepada penuntut2 kita yang kini sedang belajar di-seberang laut.

Jumlah keramaian penuntut2 yang di-bicarakan dalam rencana ini adalah berdasarkan laporan yang di-keluarkan oleh Bahagian Dermasiswa dan Kesejahteraan menerusi Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran Brunei.

STRUKTUR Sistem Pelajaran di-negeri kita dewasa ini telah menampakkan suatu susunan perubahan yang menggalakkan dalam Dasar Pelajaran Baru 1972 yang kian meningkat kasatu darjah yang tinggi istimewa pula ia-nya mungkin akan menjadi batu asas ka-arrah teruboh-nya beberapa pusat pengajian tinggi di-berbagai jurusan di-kemudian hari kelak.

Perubahan itu memang jelas dapat kita perhatikan yang mana Kerajaan telah menyusun berbagai2 jurusan persekolahan yang sa-mata2 bukan bersifat akademik sahaja malah ia-nya berchorak sekolah pertanian, sekolah teknik, sekolah lathan kerja dan sekolah lathan perguruan.

Semua-nya itu ada-lah merupakan satu tingkat pelajaran telah mampu untuk kita dirikan yang keseluruhan-nya menjadi tapak untuk menuju tingkat pelajaran yang lebih tinggi yang sekarang ini tingkat pelajaran yang di-maksudkan itu tidak terdapat di-negeri ini, sa-balek-nya semua penuntut2 kita yang benar2 berkecukupan dan berkemampuan untuk menduduki tingkat tersebut di-hantar keluar negeri ka-pusat2 pengajian tinggi seberang laut seperti United Kingdom, Kanada, Amerika Sharikat, Australia, New Zealand dan Singapura.

Untuk itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sa-tahun demi sa-tahun telah mengeluarkan satu jumlah peruntukan yang bukan sedikit dalam tabong dermasiswa dan kesejahteraan Kerajaan yang di-korbankan kepada penuntut2 yang benar2 layak dan difikirkan berkemampuan untuk menchapai satu2 tingkat yang di-kehendaki oleh pembangunan bangsa dan negara itu.

Menerusi Bahagian Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pelajaran Brunei adalah ia di-pertanggung-jawabkan sa-penoh-nya khusus mentadbirkan hal ehwal dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei bagi penuntut2 yang akan melanjutkan pelajaran keluar negeri dan yang belajar di-dalam negeri.

Bahagian ini juga bertanggung-jawab mentadbirkan sa-chara 'am biasiswa yang di-tawarkan kepada rakyat Brunei oleh Kerajaan2 luar negeri, Sharikat Minyak Shell dan lain2 yaysan.

Mengenai dengan dermasiswa Kerajaan ia-nya adalah bermaksud untuk membolehkan pelajar2 yang terdiri dari warga negeri ini meneruskan pelajaran mereka di-mana tiap2 satu dermasiswa tersebut biasa-nya di-korbankan bagi satu tempoh yang minima untuk membolehkan mereka menchapai dan menamatkan kursus pengajian mereka di-peringkat diploma, ijazah, iktisad dan sa-paroh iktisad seberang laut sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Kerajaan.

Walau pun keseluruhan-nya Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia lebih banyak mengorbankan biasiswa kepada pelajar2 yang telah lulus dalam peringkat menengah namun sa-bahagian-nya mereka yang di-hantar keluar negeri ini ada juga yang belajar di-peringkat menengah

bawah terutama di-sekolah2 menengah Singapura.

Untuk penuntut2 yang berkesempatan belajar di-pusat2 pengajian tinggi mereka adalah terdiri dari yang telah tamat sijil persekolahan seberang laut seperti Sijil Singapura Cambridge, Sijil Pelajaran 'Am London, Sijil Tinggi Persekolahan dan sa-bagai-nya.

Di-samping itu sa-bahagian dari mereka itu sa-belum tahun 1975 Kerajaan menerusi Jabatan Pelajaran telah juga mengorbankan biasiswa kepada pelajar negeri ini untuk mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan atau Sijil 'Am Pelajaran peringkat tertinggi sa-belum mereka berkecukupan me-

masoki satu2 pusat pengajian tinggi bagi mendapatkan berbagai2 kelulusan diploma atau ijazah.

Tetapi untuk tahun ini Kerajaan tidak lagi menghantar penuntut2 untuk tujuan pendidikan malah mereka yang berhajat untuk menduduki pusat2 pengajian tinggi dalam kursus diploma atau ijazah seberang laut itu di-kehendaki terlebih dahulu menamatkan sijil peringkat tertinggi mereka di-dalam negeri ini di-Pusat Tingkatan Enam yang khusus untuk pelajar2 mendapatkan sijil tersebut.

Menyentuh kepada jumlah penuntut2 yang di-hantar ka-seberang laut itu sa-lama ini memang-lah jumlah-nya tidak terhad malah ia-nya sa-



Awang Sumadi bin Sukaimi, Yang Dipertua Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom berucap dalam majlis jamuan makan ketika menyertai Kursus Sivik Penuntut2 Seberang Laut yang berlangsung dalam bulan Ogos 1976 lalu.

makin bertambah dari sa-tahun ka-satahun memandangkan jumlah penuntut2 kita yang berkecukupan Sijil Tinggi Persekolahan di-dalam negeri ini juga bertambah.

Menurut perangkaan Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran dalam tahun 1972 ada sa-ramai 392 orang penuntut kita di-seberang laut antara-nya 322 orang lelaki dan 70 orang perempuan telah di-korbankan biasiswa Kerajaan. Dari jumlah ini 216 orang mengikuti pelajaran di-peringkat menengah —delapan orang di-Malaysia, 101 orang belajar di-Singapura dan 107 orang penuntut di-United Kingdom.

Sa-ramai 11 orang penuntut pula mengikuti kursus jururawat dan 13 orang lagi mengikuti kursus lathan perguruan. Sementara sa-ramai 151 orang yang lain menuntut kursus diploma dan ijazah serta sa-orang saja berpeluang meneruskan pelajaran dalam kursus ijazah lanjutan yang kesemua-nya berada di-Australia, Kanada, Malaysia, Filipina, Singapura dan United Kingdom.

Dalam tahun 1973 keramaian penuntut2 tersebut berkurangan menjadi 375 orang sahaja di-samping sa-bahagian dari jumlah tersebut ada-lah mereka yang maseh meneruskan pengajian-nya dari tahun 1972. Jumlah ini di-tetapkan dalam sa-ramai 194 orang belajar di-peringkat menengah, 16 orang mengikuti kursus jururawat, 18 orang dalam kursus lathan perguruan, 133 orang dalam kursus diploma dan ijazah sementara 14 orang yang lain dalam kursus ijazah lanjutan.

Jumlah keramaian penuntut2 seberang laut dalam tahun 1974 kian berkurangan yang mana dalam bulan Jun 1974 perangkaan menunjukkan hanya sa-ramai 321

orang penuntut saja yang belajar di-seberang laut. Dalam peringkat menengah jumlah-nya bertambah sedikit ia-itu 202 orang, 14 orang mengikuti kursus jururawat, 17 orang mengikuti kursus lathan perguruan, 81 orang pula mengikuti kursus diploma dan ijazah serta 7 orang lain-nya menuntut dalam kursus ijazah lanjutan.

Mengikut perangkaan Laporan Tahunan Jabatan Pelajaran yang di-keluarkan oleh Bahagian Dermasiswa dan Kesejahteraan dalam bulan Jun tahun 1975, ada sa-ramai 384 orang penuntut seberang laut antara-nya 191 orang di-sekolah menengah, 11 orang mengikuti kursus jururawat, 30 orang mengikuti lathan perguruan, 147 orang mengikuti kursus diploma dan ijazah dan 5 orang mengikuti kursus ijazah lanjutan. Dan perangkaan terakhir yang di-keluarkan sa-hingga akhir tahun 1975 keramaian menunjukkan jumlah semua-nya penuntut2 dermasiswa Kerajaan yang maseh menuntut ia-lah 344 orang.

Dalam akhir bulan Jun 1976 keramaian penuntut2 yang di-korbankan dengan dermasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-luar negeri adalah di-chatitikan dengan jumlah 335 orang antara-nya 137 orang di-peringkat menengah, 13 orang dalam kursus jururawat, 156 orang dalam kursus diploma dan ijazah, 28 orang mengikuti kursus lathan perguruan dan sa-orang dalam kursus ijazah lanjutan.

Dari keramaian penuntut2 yang di-chatitikan di-atas itu tadi kita penoh yakin bahawa Kerajaan menerusi pengorbanan dermasiswa-nya yang di-laksanakan oleh enam orang jawatankuasa yang bertanggung-jawab di-dalam-nya adalah menampakkan suatu penyusunan yang benar2 menepati kehendak2 pembangunan negara kita dalam menuju ka-arrah satu masyarakat yang membangun yang mana penempatan penuntut2 ka-berbagai bidang kursus dan kemahiran di-luar negeri sekarang ini seperti kursus lathan perguruan, jururawat, ijazah dan diploma dan ijazah lanjutan itu ada-lah sangat bersesuaian untuk keperluan negara dan masyarakat kita.

BERSAMBONG



Sa-bahagian dari penuntut2 sekolah menengah yang belajar di-Singapura sedang turun dari kapal terbang ketika pulang berchuti ka-tanah ayer.

"KALAH DALAM PERLAWANAN TAPI MEMENANGI PENGALAMAN2 BERMAIN" — Pg. Idriss

"Kami kalah dalam perlawanan, tetapi kami munchol dengan memenangi pengalaman2 bermain." Demikian dinyatakan oleh Yang Mulia Pg Idriss bin Pg Temenggong Pg Hj Mohammad, Pengurus Pasokan Bola Keranjang Brunei ka-Manila baru2 ini. Pasokan Brunei telah melawan dua pasokan yang handal dari GCAA (Government Corporation Athletic Association) Manila, yang di-adakan di-Colliseum Peringatan Rizal.

Pasokan kita kalah dengan beroleh mata semasa berlawan dengan National Grains Authority ia-lah 85-114, perlawanan dengan National Irrigation Administration ia-lah 109-137.

Pengiran Idriss menyatakan selanjut-nya kedatangan rombongan-nya ada-lah untuk mengujudkan perhubungan sokan antara kedua buah negeri dan seterusnya bagi

mengetahui akan darjah kecekapan dan kechergasan permainan bola keranjang di-Manila.

Beliau menambah lagi dengan mengatakan kedua2 perlawanan yang di-adakan akan menyedarkan pemain2 Brunei bagaimana kelemahan2 dan sejauh mana tertinggal-nya mereka kebelakang dalam arena sokan bola keranjang.



Mengikut ulasan dari surat akhbar The Times Journal keluaran 9hb Januari 77 di-Manila mengatakan pemain2 Brunei masih lagi menggunakan dua belah tangan bagi menjaringkan bola di-mana chara ini sudah lama tidak di-amalkan, dan kurang-nya kerjasama pasokan, serta ku-

rang-nya kawalan bola.

Akhir-nya melalui Surat akhbar Evening Post, Manila keluaran pada 11 Januari, 77 di-samping menguchapkan terima kasih beliau kepada Persatuan Bola Keranjang Phillipines, GCAA dan Sharikat Pelanchong Gregory.

Pg Idriss selanjut-nya menyampaikan harapan pada suatu hari nanti Pasokan dari Filipina akan datang ka Brunei membawa pasokan bolakeranjang mereka. Dengan ini kata-nya akan dapat lagi menggalakkan kuasanya kechenderongan pemain tempatan di-Brunei.



Gambar ini menunjukkan pemain2 pasokan Bolakeranjang di-ambil ketika kedua2 pasokan bolakeranjang Brunei dan Manila sa-belum memulakan perlawanan sa-chara persahabatan di-Gelanggang Bola Keranjang Rizal Colliseum Manila, dan bergambar ramai di-hadapan Hotel Admiral sa-belum berangkat ka-Rizal Colliseum untuk mengadakan perlawanan dengan Pasokan National Association, Manila.

KAN-HAL KITANI . . .

KUNJONGAN muhibbah pemain bolakeranjang Brunei ka-Manila baru2 ini ada-lah sa-bagai duta tidak rasmi kitani. Mereka itu mendapat tempat di-muka akhbar2 Manila.

Mudah2an pemain bolakeranjang, badminton dan chator dari Manila inda lagi lama datang ka-Brunei. Tais jua liur kan melihat bis dia gagah2 atu!

KEMUNCHAK Seminar Pimpinan Belia ia-lah menyampaikan rumusan dan keputusan seminar kepada Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dan Setia Awang Haji Husni Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan Brunei.

Kelihatan dalam gambar ini Datin Hajjah Zaharah sedang menyampaikan Sijil Kemangkin Seminar Pimpinan Belia kepada salah sa-orang peserta dan ia-ny juga sa-bagai kemunchak di seminar tersebut.

13 PANDUAN

UNDANG2
KE-LIMA



SA-ORANG pengadil akan di-lantek untuk bertugas di-dalam sa-suatu permainan. Kekuasaan-nya dan menjalankan kuasa di-beri kepada-nya oleh undang2 permainan bermula sebagai sahaja beliau masuk ka-dalam padang permainan.

Kuasa-nya untuk menghukum akan meliputi kepada kesalahan yang di-lakukan apabila permainan sedang di-gan-tong buat sementara atau apabila bola di-luar permainan. Keputusan-nya ka-atas butir2 faktor berkenaan dengan permainan ada-lah muktamad, selagi berkaitan dengan keputusan permainan. Beliau akan :—

- Menguat-kuasakan undang2.
- Menahan diri dari menghukum dalam perkara2 yang ia tahu dan berpuas hati bahawa dengan hukuman-nya itu akan memberi faedah keuntungan kepada pasokan dan pehak yang bersalah.
- Menyimpan chatetan permainan, mengawal masa dan membenarkan masa yang chukup atau masa yang telah hilang kerana kechederaan atau lain2 sebab.
- Mempunyai kuasa untuk memberhentikan permainan kerana melanggar undang2 dan menamatkan atau membatalkan permainan pada bila-bila masa di-sebabkan oleh kuasa, gangguan penonton2 atau lain2 sebab yang pada pendapat-nya mustahak atau perlu permainan itu di-tamatkan. Di-dalam hal yang demikian hendak-lah ia melaporkan dengan sepenoh-nya kejadian itu kepada pehak yang berkuasa di-dalam masa yang di-tentukan dan mengikut sharat2 yang di-tetapkan oleh Persatuan Kebangsaan yang berkuasa atas permainan itu. Laporan di-anggap telah di-buat bila laporan2 itu telah di-terima melalui pos biasa.

NASEHAT KAPADA PEMAIN2 :—

Jangan sekali-kali menyual keputusan2 pengadil kerana keputusan-nya ada-lah muktamad tentang perkara2 dalam permainan.

Jika sebarang pertengkaran berbangkit hendak-lah selalu menyokong pengadil.

Tidak bersopan terhadap pengadil di-luar padang permainan akan di-sifatkan sa-bagai kesalahan yang di-lakukan di-dalam padang permainan.



PERADUAN ILUSTRASI BUKU — anjoran DBP

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei sedang menganjorkan Peraduan Hari Melukis Ilustrasi Buku, demikian di-umumkan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Mahmud Haji Bakyr.

Tujuan peraduan ini di-anjorkan antara lain ada-lah untuk menchari dan menghidupkan bakat pelukis dalam bidang mengilustrasi buku. Peraduan itu terbahagi kepada dua bahagian :

Bahagian Pertama

Pada hari Ahad 27hb Februari, 1977 dari jam 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari bertempat di-Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka.

Bahagian Kedua

Di-buat di-rumah masing2 dalam tempoh sa-minggu daripada tarikh Bahagian Pertama di-jalankan.

Pemangku Pengarah Dewan Bahasa sa-terus-nya menyeru kepada raayat dan yang berhak menjadi raayat negeri ini, yang berumur 15 tahun dan ka-atas supaya menyertai peraduan ini.

Tarikh penerimaan borang untuk menyertai peraduan akan di-tutup pada 12hb Februari, 1977. Untuk mendapatkan panduan dan Peratoran Peraduan sila berhubung dengan :

Setiausaha Jawatankuasa Peraduan Hari Melukis Ilustrasi Buku,
Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.



SAMBUTAN AWAL MUHARRAM

KUALA BELAIT. — Kira2 500 orang umat Islam di-Daerah Belait telah menghadhiri sambutan Awal Muharam yang di-anjorkan oleh penduduk2 Pekan Belait pada malam Isnin 10hb yang lalu di-Dewan Kemasharakatan di-sini.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Belait,

Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd Jaafar yang juga memberikan ucapan dalam majlis itu. Turut berucap ialah Kadhi Daerah Belait, Awg Haji Bolhassan bin Haji Mohd Jair, Pengerusi sambutan.

Sambutan malam itu disulami dengan persembahan Merhaban oleh kumpolan

zikir yang di-ketuai oleh Da-yang Hajjah Zakiah bte Haji Abdul Hamid dan bacahan Al-Koran oleh Awang Nor-din bin Chuboi, Guru Koran Daerah Belait.

Satu sharahan khas mengenai sambutan awal Muharram telah di-sampaikan oleh Pemangku Timbalan Kadhi Besar Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah.

Di-samping itu kira2 60 orang pelajar Kelas Dewasa Koran dan Ugama Pekan Belait, Kampung Sungai Teraban dan Kampung Sungai Dungan telah menerima sijil2 mereka yang telah di-sampaikan oleh Ketua Pegawai Pelajaran Ugama Brunei, Awg Haji Abd Saman bin Abd Kahar.

Turut hadir dalam majlis malam itu ia-lah YB Haji Malai Mashor bin Haji Malai Damit dan Pegawai2 Kanan Kerajaan Daerah Belait.

KPKPB lantek 12 orang J/kuasa kerja 1977/78

BANDAR SERI BEGAWAN. — 12 orang telah di-pilih sa-bagai Jawatankuasa Tertinggi Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Brunei termasuk lima orang jawatankuasa biasa untuk tahun 1977/78.

Pemilihan tersebut telah di-jalankan dalam mashuarat agong kali ke-7 kesatuan itu pada hari Ahad 9hb Jan. lalu di-Dewan Bandaran di-sini yang di-hadhiri oleh kira2 50 orang ahli-nya.

Awg Abu Bakar bin Haji Ishak di-pilih sa-bagai Yang Dipertua dan Awang Mukim bin Haji Hassan sa-bagai Naib Yang Dipertua kesatuan.

Pengerusi Tetap di-pegang oleh Awang Puteh bin Jukin, sementara Awang Haji Ali bin Haji Nassar dan Pg Jambol bin Pg Haji Sulaiman di-lantek sa-bagai Setia Usaha Agong dan Naib Setia Usaha Agong.

Bendahari Agong di-pegang oleh Awang Wahab bin Haji Latif dan naib-nya Awang Mahrop bin Haji Yakub.

Lima orang Ahli Jawatankuasa biasa ia-lah; Awg Mohiddin bin Haji Mohd Daud, Awg Abd Rahman bin Pgh Haji Abu Bakar, Awg Haji Sabli bin Haji Metussin, Awg Hidup bin Lamit dan Awg Rabaha bin Ampuan

Salleh.

Satu usul penting yang diperbincangkan pada hari itu ia-lah perubahan ka-atas nama kesatuan yang baru "Kesatuan Perkhidmatan Pegawai2 Rendah Kerajaan Brunei" telah tidak dapat persetujuan oleh ahli2.

Lebeh 20,000 peserta di- jangka sertai perarakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ada-lah di-anggarkan lebeh 20,000 orang peserta yang terdiri dari pasokan2 jabatan2 Kerajaan, sekolah2 dan maktab2, persatuan2 belia dan badan2 kebajikan, sharikat2, kampong2 dan pasokan2 berpakaian seragam di-negeri ini bagi Daerah Brunei dan Muara akan menyertai perarakan sambutan Maulud yang akan di-adakan pada 3hb Mach depan.

Sambutan Maulud bagi tahun ini akan di-adakan pada tarikh2 yang berasingan di-semua daerah, pada 3hb Mach sambutan di-adakan di-Daerah Brunei dan Muara dan Belait sementara pada 6hb Mach sambutan di-adakan di-Daerah Tutong dan Temburong.

Keputusan penentuan tarikh2 tersebut telah di-putusan oleh Jawatankuasa Sambutan Maulud tahun ini yang di-pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama yang mengadakan sidang-nya minggu lalu di-jabatan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan kepada Pelita Brunei minggu ini, jauh perjalanan jalan2 yang akan di-lalui oleh peserta perarakan bagi Daerah Brunei dan Muara tahun ini ada-lah kira2 tiga batu bermula di-Padang Besar di-sini melalui jalan2 Queen Elizabeth II, Stoney, Kumbang Pasang, Sekolah, Kianggeh, MacArthur Pretty dan Chevalier.

Jawatankuasa Sambutan Maulud 1977 telah menetapkan "Karah Pendidekan Akhlak dan Peribadi" sa-bagai tema sambutan kali ini. Berbagai2 acara sambutan akan di-adakan di-Padang Besar di-sini nanti.



PASOKAN Pengakap ke-7 dari Maktab SOAS dengan piala dan perisai kemenangan mereka dalam Perkhemahan Pengakap Kebangsaan Seluruh Negeri yang telah di-adakan pada 26hb Disember hingga 30hb Disember yang lalu.

